

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HGM 332 Geografi Ekonomi


Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH(7) soalan dalam DUA(2) muka surat.

Jawab EMPAT(4) soalan. Setiap soalan membawa 25 markah.

1. Tulis nota tentang DUA(2) daripada berikut:
 - (a) Impak sewa terkawal di pusat bandar.
 - (b) Peranan Ambang (threshold) di dalam bidang geografi ekonomi.
 - (c) Prinsip pasar bermusim.
2. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan betapa pentingnya organisasi ruangan di dalam bidang geografi ekonomi.
3. "Perdagangan bebas adalah impian sahaja". Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.
4. Pada masakini pembandaran dan perindustrian menggambarkan proses penumpuan dalam ruang. Bincangkan faktor-faktor yang menyokong proses tersebut di atas dengan bantuan contoh-contoh yang sesuai.
5. Pembangunan ekonomi negara tidak boleh dipisahkan daripada pengaruh antarabangsa. Dengan merujuk kepada contoh-contoh dari satu(1) negara, bincangkan pernyataan ini.

6. Bincangkan gambarajah berikut. Sokong hujah-hujah anda dengan contoh-contoh yang sesuai.



Dimensi penyelidikan sumber di dalam bidang Geografi (Mitchell 1979)

7. Perubahan ekonomi dan pertumbuhan ekonomi tidak semestinya mewujudkan pembangunan ekonomi wilayah. Bincangkan pernyataan ini dengan memilih contoh-contoh yang sesuai untuk menyokong hujah-hujah anda.

-ooo000ooo-